

# ORS B PLUS SACHET

Dextrose Andhydrous/Trisodium Citrate Dihydrate/Potassium Chloride/Sodium Chloride (3375mg/725mg/375mg/650mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ORS B PLUS
2. Bagaimana ORS B PLUS berfungsi
3. Sebelum mengambil ORS B PLUS
4. Cara menggunakan ORS B PLUS
5. Semasa menggunakan ORS B PLUS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan ORS B PLUS
8. Maklumat lanjut ORS B PLUS
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

## Apakah Kegunaan ORS B PLUS

ORS B Plus mengandungi garam penting yang diperlukan oleh badan kita. Ia digunakan untuk menggantikan air dan elektrolit yang hilang semasa mengalami cirit birit yang sederhana sehingga teruk.

## Bagaimana ORS B PLUS Berfungsi

Ubat ini berfungsi menggantikan air dan beberapa garam penting yang hilang daripada badan disebabkan oleh cirit birit.

## Sebelum Mengambil ORS B PLUS

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ubat ini jika anda menghidapi keadaan-keadaan berikut:

- Penyakit buah pinggang, hati atau jantung
- Paras potassium yang tinggi dalam badan
- Masalah dengan tahap garam dalam badan
- Kesukaran ketika membuang air kecil
- Tekanan darah tinggi
- Edema (bengkak disebabkan oleh retensi air)
- Muntah-muntah yang teruk
- Masalah dengan produk yang mengandungi glukos

## Hamil dan menyusukan bayi

Jangan ambil ORS B PLUS jika anda hamil atau mungkin hamil.

Jangan ambil ORS B PLUS jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan

nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum mula mengambil

- Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat-ubatan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi ubat yang sedang anda ambil.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

## Cara Menggunakan ORS B PLUS

Ambil ORS B PLUS seperti yang telah diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Larutkan kandungan satu bungkus dalam 250ml air yang telah dimasak yang telah sejuk. Larutan ini perlu diminum.

Jangan didihkan larutan dan jangan gunakan kandungan dalam bungkus dalam sekiranya kelihatan lembap atau basah.

Gunakan larutan yang baru setiap hari. Buang baki larutan yang tidak digunakan setiap hari.

Bayi dan kanak-kanak kecil seharusnya diberikan larutan tersebut dengan perlahan-lahan, di dalam jumlah yang sedikit, sekerap mungkin sepanjang 24 jam pertama cirit birit.

ORS B Plus harus dilarutkan dengan air pada isipadu yang dinyatakan sahaja. Jangan lebihkan atau kurangkan kuantiti air yang diguna.

### -Berapa banyak harus digunakan

Iku arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk bantuan.

## ORS B Plus

**Kanak-kanak dibawah umur 2 tahun:**  
250ml untuk 2 jam pertama dengan 3 x 250ml boleh diambil setiap hari.

**Kanak-kanak 2 – 5 tahun:**

3 x 250ml untuk 2 jam pertama dengan 6 x 250ml boleh diambil setiap hari.

**Dewasa:**

4 x 250ml untuk 2 jam pertama dengan 12 x 250ml boleh diambil setiap hari.

Bayi dan kanak-kanak seharusnya diberikan ORS B PLUS ini dalam jumlah yang kecil, kerap dan perlahan-lahan sepanjang hari.

### -Bila perlu digunakan

Iku arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengambil terlalu banyak ORS B PLUS boleh menyebabkan paras sodium dan potassium dalam darah menjadi sangat tinggi.

Pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa Menggunakan ORS B PLUS

### -Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan pengambilan ubat ini atau tidak.

# ORS B PLUS SACHET

Dextrose Andhydrous/Trisodium Citrate Dihydrate/Potassium Chloride/Sodium Chloride (3375mg/725mg/375mg/650mg)

Sekiranya anda perlu mendapat rawatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan ORS B PLUS.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi ORS B PLUS dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

#### **Kesan-kesan Sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, ORS B Plus boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Walaubagaimana pun, skiranya anda mengalami apa-apa yang luar biasa, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan sampingan yang dilaporkan termasuk Hypernatraemia, yang merupakan tahap sodium yang tinggi dalam darah.

Antara simptom hypernatraemia adalah termasuk kegelisahan, lemah, dahaga, lidah bengkak, sakit kepala dan hipotensi.

Hyperkalaemia boleh berlaku selepas pengambilan yang berlebihan, selepas penggunaan potassium-sparing diuretics, kegagalan buah pinggang dan asidosis.

Antara simptom hyperkalaemia adalah termasuk kekeliruan mental, lemah, lumpuh, hipotensi, jantung tersumbat dan serangan jantung.

Kesan sampingan lain yang dilaporkan termasuk loya, muntah, cirit-birit dan kekejangan perut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

#### **Cara Penyimpanan dan Pelupusan ORS B PLUS**

##### -Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

##### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut ORS B PLUS**

##### -Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih, kristal dan tidak berbau.

##### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif *Potassium chloride* 375mg, *Dextrose anhydrous* 3375mg, *Sodium chloride* 650mg dan *Trisodium citrate dihydrate* 725mg.

##### -Nombor MAL:

MAL19920763XZ

#### **Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),

11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

25/08/2017

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)240817/00225